



Ahad – 02 Mei 2021

Halaman : 10



LAPAN pemburu haram berjaya ditahan oleh pasukan Batalion 3 PGA Senoi Praaq, Briged Utara di Hutan Simpan Padang Terap, Kedah semalam.

Senoi Praaq cekup 8 pemburu binatang

IPOH — Kegiatan-lapan lelaki yang dipercayai sedang melakukau aktiviti pemburuan haram di Hutan Simpan Padang Terap, Kedah mengundang padah apabila ditahan sepasukan anggota Batalion 3, Pasukan Gerakan Am (PGA) Senoi Praaq, Briged Utara semalam.

Mereka berusia antara 30-an hingga 40-an itu ditahan pada pukul 7.30 pagi dalam Op Bersepadu Khazanah yang turut disertai pegawai Jabatan Perlindungan Haiwan Liar dan Tamatan Negara (Perhilitan).

Pegawai Pemerintah Batalion 3, PGA Briged Utara, Asisten Komisioner Rosman Kasman berkata, pihaknya melakukan operasi itu berdasarkan maklumat yang diperolehi.

Katanya, rondaan yang diketuai Inspektor Ahmad Kamil Effendi Ahmed Kamarzaman dan Inspektor Zul Nur Azwan Ghani itu menjumpai sebuah pondok di lokasi diperincayi menjadi tempat pemburuan haram.

“Sebaik didekati, seorang lelaki berada di luar pondok, manakala tujuh yang lain berada di dalam pondok tersebut.

“Hasil pemeriksaan lanjut kemudian menemui dua laras senapang patah bersama 11 butir peluru hidup dipercayai bagi tujuan pemburuan,” ujarnya dalam satu kenyataan semalam.

Kesemua lapan lelaki Melayu warga tempatan itu kemudian ditahan dan dibawa ke Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Kuala Nerang untuk tindakan lanjut.

Rosman berkata, kes disiasat di bawah Seksyen 8(a) Akta Senjata 1960 yang memperuntukkan hukuman penjara sehingga tujuh tahun, denda atau kedua-duanya sekali jika sabit kesalahan.

Katanya, kesalahan itu juga disiasat mengikut Seksyen 8 Akta Senjata api (Penalti Lebih Berat) yang boleh dihukum penjara sehingga 14 tahun dan sebatan jika didapati bersalah.